

MODUL PP

Praktis ke Arah SPM

KERTAS I

4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

1 Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem _____

Buku
Teks
m/s
66

- A Persekutuan C Demokrasi
B Konfederasi D Campuran

2 Apakah peristiwa yang berlaku semasa pembentukan sistem Persekutuan berikut?

Buku
Teks
m/s
67

Persekutuan Tanah Melayu 1957

- A Perjanjian Malaysia
B Penubuhan Malayan Union
C Gabungan sembilan buah negeri Melayu
D Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan

3 Antara berikut, yang manakah benar tentang Persekutuan Tanah Melayu 1948?

Buku
Teks
m/s
67

- I Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan
II Gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah NNS
III Pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat di bawah kuasa Gabenor British
IV Menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

4 Pentadbiran kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat.

Buku
Teks
m/s
68

Antara berikut, yang manakah peringkat pentadbiran kerajaan Malaysia?

- I Parlimen
II Kerajaan Tempatan
III Kerajaan Persekutuan
IV Dewan Undangan Negeri
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

5 Senarai Persekutuan menjelaskan kuasa Kerajaan Persekutuan yang luas meliputi skop kepentingan nasional dan merangkumi semua

Buku
Teks
m/s
69

aspek perkhidmatan berhubung dengan pentadbiran negara.

Antara berikut, yang manakah terkandung dalam Senarai Persekutuan?

- A Biasiswa
B Undang-undang Islam
C Perubatan dan kesihatan
D Pertanian dan perhutanan

6 Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan dalam Persekutuan Malaysia.

Buku
Teks
m/s
70

Antara berikut, yang manakah tambahan kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah?

- I Kereta api di Sabah
II Mahkamah Anak Negeri
III Pilihan raya bagi Dewan Negeri
IV Penyelidikan pertanian dan perhutanan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

7 Kerajaan Tempatan lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Buku
Teks
m/s
71

Antara berikut, yang manakah jenis Kerajaan Tempatan?

- I Majlis Daerah
II Majlis Bandaraya
III Majlis Tempatan
IV Majlis Perundangan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

8 Antara berikut, yang manakah merupakan kerjasama pembangunan sosioekonomi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

Buku
Teks
m/s
72-73

- I Pembangunan tanah
II Pengurusan taman laut
III Perumahan awal kemerdekaan
IV Pembangunan Koridor Wilayah
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 9 Apakah peranan agensi berikut kepada pembangunan sosioekonomi negara?

Buku
Teks
m/s
72



- A Membangunkan tanah kerajaan negeri yang terbiar
- B Membangunkan tanah di wilayah yang kurang pesat
- C Melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu
- D Mengurus dan menyalurkan bantuan kewangan kepada kerajaan negeri

- 10 Gambar berikut menunjukkan monumen taman negara.

Buku
Teks
m/s
74



Taman negara terletak di bawah bidang kuasa_____

- A Kerajaan Negeri
- B Senarai Bersama
- C Kerajaan Tempatan
- D Kerajaan Persekutuan

- 11 Perumahan terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Buku
Teks
m/s
76

Apakah langkah kerjasama yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi menyediakan perumahan rakyat?

- I Perumahan mampu milik
 - II Perumahan pertama rakyat
 - III Perumahan berskala besar
 - IV Perumahan awal kemerdekaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang atau Rajang Area Security Command (RASCOM).

Buku
Teks
m/s
78

Jawatankuasa	Pengerusi
Jawatankuasa RASCOM	Ketua Pegawai Eksekutif (Pegawai Tadbir Kanan Negeri Sarawak)

Apakah bidang tugas Jawatankuasa RASCOM?

- A Merancang gerakan di kawasan RASCOM
- B Mengawasi keselamatan kawasan RASCOM
- C Merancang dan melaksanakan kegiatan gerak saraf
- D Menggubal dasar berkaitan dengan aktiviti harian organisasi RASCOM

4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

- 13 Apakah kesan sekiranya undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan?

Buku
Teks
m/s
80

- A Campur tangan Yang di-Pertuan Agong
- B Undang-undang Kerajaan Persekutuan terbatal
- C Undang-undang Negeri mengatasi undang-undang Persekutuan
- D Undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang Negeri

- 14 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, iaitu

Buku
Teks
m/s
81

- I Majlis Air Negara
 - II Majlis Tanah Negara
 - III Majlis Kewangan Negara
 - IV Majlis Perumahan Negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV